

TAWARAN DERMASISWA KYM TERBUKA KEPADA SEMUA

Sesi kemasukan Jun/Julai 2004 akan bermula tidak lama lagi. Demam keputusan yang bakal keluar penghujung bulan ini menyebabkan ramai pelajar tidak senang duduk, mandi tak basah, tidur tak lena.

Tahun ini Kolej Yayasan Melaka sekali lagi membuka **Tawaran Dermasiswa** kepada semua pelajar-pelajar KYM yang mempunyai saudara-mara, kawan, adik beradik, jiran atau sesiapa sahaja yang sedang menunggu keputusan SPM dan STPM. Borang permohonan boleh diambil di Unit Khidmat Pelanggan dan Kemasukan.

Semua pelajar yang berminat untuk melanjutkan pelajar di KYM sama ada diperingkat sijil, diploma atau ijazah, mereka layak mendapat DERMASISWA berupa makan-minum dan asrama percuma sepanjang satu semester. Yuran Pendaftaran hanya RM160.00 termasuk tilam dan bantal.

Rebutlah peluang ini kerana tiada peluang yang serupa di tempat lain.

Program-program Yang di Tawarkan

Universiti Utara Malaysia

- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Dengan Kepujian

Universiti Teknologi Malaysia

- Diploma Pengurusan Teknologi
- Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan)
- Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat)

Sekolah Teknologi Media dan Seni

- Diploma Teknologi Animasi
- Diploma Teknologi media
- Diploma Teknologi Seni

Sekolah Pengurusan

- Diploma Keusahawanan

Sekolah Teknologi Maklumat

- Diploma Teknologi Maklumat

Sijil Kemahiran Malaysia

- Juruteknik Elektronik Industri – Peralatan (Tahap 1 dan 2)
- Juruelektrik (Tahap 1 dan 2)
- Mekanik Motorsikal (Tahap 1 dan 2)
- Jurukimpal Arka Logam Berperisai – Keluli Tahan Karat (Tahap 1 dan 2)
- Jurubina Bangunan (Tahap 1 dan 2)
- Pelukis Pelan Senibina (Tahap 1 dan 2)
- Pelukis Pelan Kejuruteraan Awam dan Struktur (Tahap1 dan 2)
- Pembantu Juruteknik Rangkaian Komputer (Tahap 2 dan 3)
- Pembantu Juruteknik Sistem Komputer (Tahap 2 dan 3)
- Pembantu Tadbir Sistem Maklumat (Tahap 2 dan 3)
- Artis Multimedia – Pengarangan (Tahap 2 dan 3)
- Motor Underwriting Clerk (Tahap 2)

Ringkas

• Kempen Anti Gejala Sosial

Kempen yang berlangsung sejak bulan Disember 2003, ditutup baru-baru ini dalam suasana penuh meriah di Majlis Perasmian Penutupan Kempen Anti Gejala Sosial oleh YB Datuk Ramlah Abas, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan Masyarakat. Kempen yang membawa mesej kesedaran tentang kemusnahan akibat kelakuan yang menyimpang dari norma-norma masyarakat ini diserikan dengan beberapa demonstrasi seperti sebatan bagi pesalah rogol, gantung bagi kesalahan membunuh, mengedar dadah dan memiliki senjata api haram. Pameran-pameran ini disertai oleh PDRM, JAIM, Penjara, Agensi Dadah Kebangsaan dan Bomba.

• Apabila kakitangan Berlakon....

Syabas dan tahniah dengan semangat yang ditunjukkan oleh kakitangan KYM kerana memberi kerjasama dalam menjayakan pembikinan Video Korporat KYM baru-baru ini. Tak sangka KYM mempunyai ramai bakat-bakat terpendam yang boleh diketengahkan. Terima kasih kepada semua yang menjayakan....Lain kali bolehlah minta tolong lagi!

• Penggambaran Video Korporat KYM

Penggambaran kini sedang giat dijalankan. Diterajui oleh STMS dan dibantu oleh Jabatan Perhubungan Awam, ia bertujuan sebagai salah satu alat promosi yang akan digunakan untuk memperkenalkan KYM. Penggambaran ini turut melibatkan 20 pelajar media dan 10 orang kakitangan STMS sendiri.

PERSIAPAN KE MENARA GADING

Program Khas Intensif Bahasa Inggeris anjuran Kolej Yayasan Melaka (KYM) mampu memberi pendedahan dan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar lepasan SPM.

Ketua Eksekutif kolej itu, Dr.Hamzaid Yahya, berkata program yang pertama kali diadakan ini bertujuan memberi pendedahan dan persiapan awal pelajar sebelum ke menara gading. "Kita memberi pendedahan dan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris supaya mereka dapat bersaing apabila melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi. Di IPT mereka akan memantapkan lagi penguasaan Bahasa Inggeris itu, bukannya baru nak belajar. Itulah tujuan sebenar Intensif Bahasa Inggeris ini diadakan."

Program ini disertai seramai 241 orang pelajar lepasan SPM yang datang dari seluruh Malaysia yang juga terdiri daripada anak-anak angkat KYM. "Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti khusus untuk anak-anak angkat KYM"

Hamzaid berkata, program ini diselitkan beberapa aktiviti menarik. Antaranya lawatan ke tempat-tempat menarik dan bersejarah, persembahan drama, nyanyian, kem motivasi solat, pancaran siswa, sukan dan pidato.

KARNIVAL KERJAYA 2004 CAPAI MATLAMAT ANJURAN

Karnival Kerjaya 2004 membuka lembaran tahun baru apabila menjadi aktiviti pertama KYM tahun ini. Dianjurkan oleh Jabatan Keusahawanan, aktiviti ini berjaya menarik hampir 500 orang pelajar tahun akhir dan bekas pelajar menyertainya.

Program yang julung-julung kali diadakan ini bertujuan memberi pendedahan berkaitan perniagaan francais dan jualan langsung. Sebanyak 6 buah syarikat tempatan dan

antarabangsa mengambil bahagian antaranya Yamaha Muzik (M) Sdn Bhd., Trans Floral (M) Sdn Bhd., The Fish Shop Trading (M) Sdn Bhd., Takaful Nasional Sdn Bhd dan Marrybrown Fried Chicken Sdn Bhd.

Karnival yang dijalankan selama 3 hari ini diserikan dengan pelbagai aktiviti antaranya taklimat syarikat, temuduga, kuiz dan pertandingan gubahan bunga.

KEMPEN SERVIS PERCUMA MOTOSIKAL UJI KEMAHIRAN PELAJAR

Bertempat di kawasan letak kereta KYM, Kempen Servis Percuma Motosikal sekali lagi diadakan. Kali ini khas untuk kakitangan dan pelajar-pelajar KYM yang berminat. Selain memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar SKM Mekanik Motosikal mempraktikkan apa yang diajar, ia juga secara tidak langsung mengajar pelatih cara berhubung dan berkomunikasi dengan orang ramai atau pelanggan.

Selain itu, antara aktiviti yang dijalankan untuk menarik lebih ramai pengunjung ialah sukaneka, peraduan motosikal tercantik kategori skooter, vespa antik dan cabutan nombor bertuah.

Walaubagaimanapun, aktiviti ini kurang mendapat sambutan terutamanya daripada warga kolej sendiri.

KYM ANJUR BINCANG SISWA



"PROGRAM KHIDMAT NEGARA- KEWAJIPAN ATAU BEBANAN"

Majlis Perwakilan Pelajar dan Kelab Rakan Pembimbing Kolej Yayasan Melaka sesi 2003/2004 telah menganjurkan program Bincang Siswa pada 5 Februari 2004, jam 8.30 malam bertempat di Dewan Kuliah 1, Kolej Yayasan Melaka.

Menurut Pengerusi Publisiti program saudara Isninor Hj. Tajuddin, program berbentuk forum ini disertai tokoh-tokoh yang mewakili golongan ibubapa, pelajar dan akademik bagi membincangkan topik "Program Khidmat Negara (PKN) – Kewajipan atau Bebanan".

Panel forum ini ialah Prof. Madya Dr. Suaidi Dekan Hal Ehwal Pelajar Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, Tuan Hj. Jaafar Bachik, Pengarah BTN dan Encik Maznizam, Bekas Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Kolej Yayasan Melaka.

Katanya, program yang sedang hangat diperkatakan di negara kita sekarang ini, terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah dan pelajar IPT yang berminat. Masuk adalah percuma.

"Kami menganggap penganjuran program ini amat bertepatan kerana PKN akan dimulakan pada 16 Februari ini diseluruh negeri. Ia dianjurkan bagi menunjukkan keprihatinan dan sokongan kami tentang isu-isu negara. Perbincangan ini mengambil masa selama 2 jam. Kita dapati program ini mendapat respon yang baik daripada para pelajar malah panel yang dijemput juga telah memberi kerjasama yang baik."